



Indah Seni, Endah Budaya

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Banyak tetamu yang datang terpegun apabila melihat pasangan pengantin itu sama cantik dan sama padan.
 A jika melihat pasangan pengantin
 B lalu melihat pasangan pengantin
 C sambil melihat pasangan pengantin
 D apabila melihat pasangan pengantin
- 2 Sambutan yang menggalakkan daripada penonton terhadap rancangan kartun menyebabkan banyak stesen televisyen berlumba-lumba menayangkan program tersebut.
 A banyak stesen televisyen-stesen televisyen
 B banyak-banyak stesen televisyen
 C banyak stesen-stesen televisyen
 D banyak stesen televisyen
- 3 Industri batik merupakan seni kraf tangan tradisional yang menjadikan perusahaan industri komersial pada masa ini.
 A terjadi perusahaan industri komersial
 B jadikan perusahaan industri komersial
 C menjadi perusahaan industri komersial
 D menjadikan perusahaan industri komersial
- 4 Bangunan bersejarah di negara kita perlu dipelihara dan dipulihara demi untuk menarik kedatangan pelancong.
 A demi menarik
 B demi menarik untuk
 C menarik demi untuk
 D demi untuk menarik

Bahagian B

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai.

Songket ialah satu kesenian masyarakat dahulu yang tidak ternilai harganya dan dipakai hingga hari ini. Penghasilan sehelai songket secara tenunan tradisional memerlukan kesabaran yang tinggi bagi menjamin kualiti dan ketahanannya. Sehelai songket asli yang sangat berkualiti boleh mencecah harga ribuan ringgit. Walaupun harganya tinggi, kualiti songket tidak dapat dipertikaikan kerana sangat tahan lama.

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____